

05 SEP 1997

Mahathir-Perhimpunan

DR MAHATHIR RASMI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Perhimpunan Agung Umno 1997 bermula di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pagi ini dengan dihadiri oleh lebih 2,500 orang termasuk 1,905 perwakilan.

Acara bermula dengan upacara memeriksa perbarisan Pemuda dan Wanita serta menaikkan bendera Umno oleh Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Dataran PWTC.

Turut hadir ialah Timbalan Presiden Datuk Seri Anwar Ibrahim, Setiausaha Agung Datuk Sabbaruddin Chik dan barisan anggota Majlis Tertinggi Umno.

Selepas itu, Dr Mahathir menyampaikan ucapan dasar Presiden dan merasmikan perhimpunan tahunan parti di Dewan Merdeka. Ia turut dihadiri oleh pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional serta pemerhati tempatan dan luar negara.

Pergerakan Pemuda dan Wanita masing-masing menghantar 30 wakil ke perhimpunan agung itu.

Selepas solat Jumaat, perhimpunan khas akan diadakan bagi meminda Perlembagaan parti untuk menggugurkan perkataan "Baru" pada nama parti.

Ia disusuli dengan perbahasan usul ucapan dasar Presiden.

Sebanyak 17 orang perwakilan, terdiri daripada 14 wakil badan perhubungan Umno negeri, wakil Pemuda dan Wanita serta Kelab Umno Luar Negeri akan membahaskan usul itu.

Perhimpunan selama tiga hari itu, yang dipengerusikan oleh Pengerusi Tetap Umno Tan Sri Sulaiman Ninam Shah, juga akan membahaskan usul agama, ekonomi, pendidikan dan sosial.

Umno, yang ditubuhkan pada 1946, mempunyai 165 bahagian dengan 2.7 juta anggota. -- BERNAMA

MOK NAK